

## **TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT PROGRAM BANTUAN BAYARAN UNTUK PELANGGAN-PELANGGAN PEMBIAYAAN AUTO**

---

1. Terma-terma dan syarat-syarat berikut akan terpakai untuk Program Bantuan Bayaran (“**Program**”) yang tersedia dari 7 Julai 2021 dan seterusnya untuk peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan individu yang mempunyai Pembiayaan Auto (“**Kemudahan**”) yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) dan tidak berada di dalam proses pemulihan dengan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), pada tarikh permohonan Program ini.
2. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
3. Kadar Faedah/Keuntungan/Caj Terma yang berkuatkuasa untuk Kemudahan akan tetap sama.

Jika kadar faedah/keuntungan/caj terma ke atas Kemudahan anda adalah terikat dengan Kadar Pinjaman Asas (“**BLR**”)/Kadar Pembiayaan Asas (“**BFR**”), harap maklum bahawa BLR/BFR adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau dipaparkan di laman web Bank dan satu notifikasi akan dihantar kepada anda berkenaan jumlah ansuran bulanan yang telah disemak semula.

4. Anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan menjadi lebih tinggi. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi yang termasuk bayaran ansuran terakhir anda.
5. Sekiranya anda telah mendaftar untuk program pelepasan bayaran yang lain, terma-terma dan syarat-syarat program tersebut akan digantikan oleh terma-terma dan syarat-syarat Program ini.
6. Terdapat dua (2) pilihan yang tersedia di bawah Program ini untuk dipilih oleh peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan dan setelah pilihan dibuat, pilihan tersebut tidak boleh diubah. Dua (2) pilihan tersebut ialah:
  - i) Pilihan 1:- Penangguhan bayaran selama enam (6) bulan
  - ii) Pilihan 2:- Penangguhan bayaran selama tiga (3) bulan
7. Bergantung kepada pilihan yang anda buat, Bank akan memberi kelonggaran kepada anda untuk menangguhkan ansuran selama enam (6) bulan atau tiga (3) bulan (“**Tempoh Penangguhan**”). Oleh itu, tempoh kemudahan anda akan dilanjutkan selama enam (6) bulan atau tiga (3) bulan.
8. Kadar faedah/keuntungan/caj terma masih akan dikenakan semasa Tempoh Penangguhan dan Bank tidak akan mengkompaun sebarang kadar faedah/keuntungan/caj terma yang terakru semasa Tempoh Penangguhan.

9. Faedah/keuntungan/caj terma tambahan akan dikenakan atas penyertaan di dalam Program ini berdasarkan kadar kontrak rasmi seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Sewa Beli dan Tempoh Penangguhan, Faedah/keuntungan/caj terma tambahan tersebut akan dibayar semasa pembayaran akhir akaun Kemudahan. Sekiranya berlaku penyelesaian awal, caj tambahan ini akan dikira secara prorata. Bayaran tambahan ini akan ditunjukkan di dalam Perjanjian Variasi yang akan ditandatangani oleh anda dan penjamin anda (jika ada).
10. Untuk Kemudahan oleh CIMB Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dijelaskan, pada permulaan Tempoh Penangguhan.
11. Untuk Kemudahan di bawah CIMB Islamic Bank Berhad, semua tunggakan dan keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan, jika ada, akan dibawa ke hadapan dan ditambahkan ke dalam jumlah keseluruhan hutang Kemudahan. Walau bagaimanapun, jumlah keuntungan terakru tidak akan ditambah ke jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dijelaskan, pada permulaan Tempoh Penangguhan dan tidak akan dikompaun kecuali caj-caj pelbagai dan lain-lain.
12. Anda tidak perlu membuat pembayaran semasa Tempoh Penangguhan.
13. Anda dikehendaki untuk meneruskan bayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan anda. Pembayaran yang dibuat akan digunakan untuk pembayaran seperti berikut:
  - Faedah/Keuntungan/Caj Terma (termasuk faedah/keuntungan/caj terma terakru, jika berkenaan); dan
  - Jumlah Kemudahan Prinsipal
14. Tarikh dan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar kekal sama.
15. Syarat-syarat pembiayaan yang telah disemak semula akan diberitahu setelah anda menghantar permohonan untuk Program ini.
16. Anda mesti menandatangani Perjanjian Variasi dengan penjamin anda (jika ada). Terma-terma yang disemak semula akan hanya berkuat kuasa setelah pelaksanaan Perjanjian Variasi dan butiran akaun anda telah dikemas kini oleh Bank.
17. Untuk menandatangani perjanjian di Pusat Perkhidmatan Perbankan Automotif atau Pusat Kutipan Perbankan Automotif, satu temujanji akan dibuat untuk anda dan penjamin, jika ada.
18. Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dihentikan semasa Tempoh Penangguhan. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.

19. Bank boleh menamatkan Program ini pada bila-bila masa sahaja dengan memberi notis di laman web Bank.
  
20. Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan pada bila-bila masa sehingga akaun anda tertunggak selama 90 hari atau lebih, anda bersetuju bahawa Bank boleh menawarkan penyelesaian khusus yang lebih sesuai dengan kedudukan kewangan anda, yang mungkin termasuk berkongsi butiran pinjaman/pembiayaan anda dengan AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan selanjutnya bagi mengurus hutang anda dan membenarkan AKPK mengakses maklumat CCRIS anda.